




KEMENTERIAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI



Pelan Strategik

KEMENTERIAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

2022-2025

www.miti.gov.my

Pelan Strategik

KEMENTERIAN PERDAGANGAN
ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

2022-2025



November 2022

Hak Cipta Terpelihara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Untuk membeli penerbitan ini atau untuk maklumat lain sila hubungi:

Pengarah Kanan
Bahagian Perancangan Strategik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia
Tingkat 22, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603 6200 0252
Faks : +603 6206 4059
Emel : mitiweb@miti.gov.my
Laman web : www.miti.gov.my

Reka bentuk dan dicetak oleh:

PNMB Education & Publication Sdn Bhd (PEP)
1, Jalan Chan Sow Lin
50554 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Isi Kandungan

2 KATA ALU-ALUAN KETUA SETIAUSAHA

Kementerian Perdagangan
Antarabangsa dan Industri

4 RINGKASAN EKSEKUTIF

PROFIL KORPORAT

- 8 Sejarah Penubuhan MITI
- 9 Visi dan Misi
- 10 Nilai-nilai Bersama
- 11 Punca Kuasa
- 12 Dasar-dasar Berkaitan Industri, Perdagangan dan Pelaburan
- 13 Pengurusan Tertinggi
- 14 Carta Organisasi
- 16 Pejabat Wilayah dan Luar Negara
- 18 Agensi MITI dan Fungsi

LANDSKAP SEMASA

- 24 Pemegang Taruh
- 25 Analisis Persekutaran dan Cabaran Semasa

TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN

- 29 **Teras Strategik I**
Perdagangan Global yang Inklusif dan Mampan



- 37 **Teras Strategik II**
Malaysia sebagai Destinasi Pelaburan Terpilih



- 45 **Teras Strategik III**
Ekosistem Perindustrian dan Perkhidmatan yang Berdaya Saing



- 55 **Teras Strategik IV**
Tadbir Urus Strategik dan Pembangunan Kapasiti



61 ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

65 MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

71 PENUTUP

Kata Alu-Aluan Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri



Tahun 2022 merupakan tahun permulaan yang amat penting bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk saling berganding bahu dengan seluruh jentera Kerajaan dalam menyegerakan pemulihian ekonomi negara pasca pandemik COVID-19. Sebagai barisan hadapan ekonomi negara, MITI memainkan peranan yang signifikan untuk memastikan Malaysia kekal berdaya saing sebagai destinasi pelaburan pilihan serantau.

Pelan Strategik MITI 2022-2025 yang dirangka adalah merupakan hasil daripada sesi percambahan fikiran komprehensif dalam kalangan pegawai-pegawai kementerian dan 13 agensi di bawah seliaan MITI. Pelan ini bertiangkan empat (4) Teras Strategik yang memfokuskan kepada Perdagangan Global yang Inklusif dan Mampan; Malaysia sebagai Destinasi Pelaburan Terpilih; Ekosistem Perindustrian dan Perkhidmatan yang Berdaya Saing; dan Tadbir Urus Strategik dan Pembangunan Kapasiti.

Pelan ini akan menjadi sumber rujukan utama pegawai-pegawai kementerian dan agensi dalam merancakkan ekonomi negara bersama-sama pihak berkepentingan dan rakan strategik MITI serta memperkuuh tahap penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan khususnya negara dagang, pihak industri, pelabur dan rakyat.

Pelaksanaan dan pemantauan Pelan Strategik MITI 2022-2025 turut dijajarkan dengan beberapa dasar utama nasional dan kementerian seperti Dasar Pelaburan Baharu berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Rangka Tindakan Perdagangan Nasional (NTBp) 2021-2025. Inisiatif strategik pelan ini juga disinergikan dengan agenda ESG untuk masa hadapan industri yang lestari dan seiring dengan keperluan era Revolusi Industri 4.0. Pelan Strategik MITI ini pastinya akan menjadi pemangkin untuk mengukuhkan lagi peranan MITI dalam mencerdaskan ekonomi negara dan seterusnya memakmurkan kesejahteraan rakyat.



“ Pelaksanaan dan pemantauan Pelan Strategik MITI 2022-2025 turut dijajarkan dengan beberapa dasar utama nasional dan kementerian seperti Dasar Pelaburan Baharu berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Rangka Tindakan Perdagangan Nasional (NTBp) 2021-2025. ”

Datuk Lokman Hakim Ali

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri



Ringkasan Eksekutif

Pelan Strategik Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) 2022-2025 adalah dokumen yang menggariskan strategi dan program yang perlu dilaksanakan dalam tempoh empat (4) tahun akan datang dalam memenuhi visi MITI iaitu menjadikan Malaysia destinasi pelaburan terpilih, negara perindustrian mampan dan negara dagangan berdaya saing. Visi ini adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

Pelan Strategik MITI 2022-2025 telah menggariskan empat (4) Teras Strategik utama iaitu: Perdagangan Global yang Inklusif dan Mampan; Malaysia sebagai Destinasi Pelaburan Terpilih; Ekosistem Perindustrian dan Perkhidmatan yang Berdaya Saing; dan Tadbir Urus Strategik dan Pembangunan Kapasiti. Teras Strategik ini dirangka dengan 17 Strategi dan 77 Program yang bakal dilaksanakan dan dipantau secara bersama oleh MITI dan agensi. Dasar-dasar penting lain seperti Dasar Pelaburan Baharu berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional, Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 (*Industry4WRD*), Dasar Automotif Negara 2020 (NAP 2020) dan sebagainya akan terus menyokong strategi-strategi yang telah dirangka.

Pelan Strategik MITI ini diharap akan memberi manfaat kepada semua warga MITI, agensi serta pemegang taruh dan menjadi sumber rujukan utama dalam memastikan semua matlamat yang dirancang dapat direalisasikan.



Barisan Hadapan Ekonomi

13,190.15
+0.98%

25,331.80
-0.63%


23,200.63
+0.39%

28,331.92



Profil Korporat

Sejarah Penubuhan MITI



2009

BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN (BPU)

Bertanggungjawab untuk meneraju pembangunan keusahawanan di kalangan rakyat Malaysia, khususnya Bumiputera.

2006

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SEKTOR PERKHIDMATAN (BPSP)

Bertanggungjawab mengkoordinasi dan memantau pelaksanaan program dan aktiviti yang dijalankan oleh semua Kementerian, agensi dan pihak berkuasa untuk perkembangan sektor perkhidmatan negara.

1990

PENYUSUNAN SEMULA KEMENTERIAN

- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

1972

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

1956

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

1951

PENUBUHAN UNIT EKONOMI SEKRETARIAT PERSEKUTUAN

Visi & Misi



VISI

Malaysia destinasi pelaburan terpilih, negara perindustrian mampan dan negara dagangan berdaya saing.



MISI

Menarik pelaburan berkualiti dan bernilai tinggi serta memperkuuh/mengekalkan pelaburan sedia ada.

Menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif untuk pembangunan industri yang lestari dan mampan.

Mengukuhkan ekosistem eksport dan memperkasa keupayaan syarikat Malaysia untuk kekal relevan di pasaran antarabangsa.

Nilai-nilai Bersama

M**Mesra**

Mesra pelabur,
industri dan
pedagang

**I****Inovatif**

Inovatif dalam
menarik pelaburan
yang berteknologi
tinggi dan
berkualiti

**T****Transformatif**

Transformatif
ke arah ekonomi
digital

**I****Integriti**

Integriti pemacu
produktiviti dan
daya saing



Punca Kuasa

Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 [Akta 156]

Akta Perbadanan Produktiviti Malaysia (Pemerbadanan) 1966 [Akta 408]

Akta Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [Akta 397]

Akta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia 1992 [Akta 490]

Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327]

Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [Akta 504]

Akta Pelindung 2006 [Akta 657]

Akta Perdagangan Strategik 2010 [Akta 708]

Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 [Akta 675]

Akta Standard Malaysia 1996 [Akta 549]

(Sumber: Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969, Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 3) 2020)



Dasar-dasar Berkaitan Industri, Perdagangan dan Pelaburan

1.  **Dasar Pelaburan Baharu berdasarkan Aspirasi Pelaburan Nasional**
2.  **Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 (*Industry4WRD*)**
3.  **Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030**
4.  **Dasar Automotif Negara 2020 (NAP 2020)**
5.  ***Chemical Industry Roadmap (CIR) 2030***
6.  **Rangka Tindakan Perdagangan Nasional (NTBp) 2021-2025**

Pengurusan Tertinggi



KETUA SETIAUSAHA
**YBHG. DATUK LOKMAN
HAKIM ALI**



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PEMBANGUNAN INDUSTRI)
**YBHG. DATO' SRI
NORAZMAN AYOB**




TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PERDAGANGAN ANTARABANGSA)
**YBRS. ENCIK HAIRIL YAHRI
YAACOB**



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(PELABURAN & STRATEGI)
**YBHG. DATUK BAHRIA
MOHD TAMIL**

Carta Organisasi







Amerika
Syarikat



Belgium



Switzerland

PEJABAT WILAYAH DAN LUAR NEGARA



Republik
Rakyat China

Republik
India

Vietnam

Thailand

Malaysia

Singapura

Indonesia

Pulau
Pinang

Perak

Kelantan

Pahang

Johor

Sabah

Sarawak

Agensi MITI & Fungsi



Dato' Wira Arham Abdul Rahman
Ketua Pegawai Eksekutif
**Lembaga Pembangunan Pelaburan
Malaysia**

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ialah agensi promosi dan pembangunan pelaburan utama Kerajaan untuk menyelaras dan menggalakkan pelaburan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan di Malaysia. Penubuhan MIDA pada tahun 1967 telah dijulang oleh Bank Dunia sebagai ‘pendorong yang diperlukan bagi tindakan penggalakan yang bertujuan, positif dan terselaras’ dalam pembangunan perindustrian Malaysia. Kini, MIDA telah berkembang menjadi organisasi yang kuat dan dinamik dengan lebih 700 pekerja. Beribu pejabat di Kuala Lumpur Sentral, MIDA mempunyai 12 pejabat wilayah dan 20 pejabat luar negara. MIDA terus menjadi rakan strategik perniagaan dalam merebut peluang yang muncul daripada revolusi teknologi pada era masa kini.



Datuk Mohd Mustafa Abdul Aziz
Ketua Pegawai Eksekutif
**Perbadanan Pembangunan
Perdagangan Luar Malaysia**

Visi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai negara perdagangan yang kompetitif berlandaskan misi untuk mempromosi syarikat Malaysia ke pasaran antarabangsa melalui program-program pembangunan pengekspor, promosi eksport, nasihat perdagangan dan khidmat sokongan serta maklumat pasaran dan perdagangan.



Dato' Abdul Latif Hj. Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ditubuhkan dengan misi untuk memberi perkhidmatan berimpak tinggi ke arah mencapai kecemerlangan prestasi melalui inovasi yang meningkatkan kehidupan. Ini sejajar dengan visi MPC untuk menjadi sebuah organisasi terkemuka dalam meningkatkan produktiviti untuk daya saing serta inovasi global. MPC juga berperanan melahirkan pakar dan kepakaran tempatan melalui latihan atau program berkaitan dengan produktiviti, kualiti, pengurusan dan keusahawanan. Selain itu, MPC turut memainkan peranan sebagai pusat maklumat dan rujukan bagi indeks produktiviti negara.



Dato' Charon Wardini Mokhzani
Pengarah Urusan Kumpulan
**Malaysia Industrial Development
Finance**

Malaysia Industrial Development Finance (MIDF) ditubuhkan dengan misi untuk membantu perniagaan di samping menyokong pertumbuhan ekonomi negara dengan menyediakan produk dan perkhidmatan bermutu dalam perbankan pelaburan, kewangan pembangunan dan pengurusan aset. Perkhidmatan utama MIDF adalah berlandaskan tiga (3) elemen utama, iaitu Integriti, Komitmen dan Kecemerlangan dalam mencapai visi untuk menjadi pilihan utama bagi penyelia perkhidmatan kewangan bersepadau dan memberi nilai unggul bagi pihak berkepentingan.



En. Jarrod Lim
Ketua Pegawai Eksekutif
Malaysia Steel Institute



Dato' Indera Dr. Ahmad Sabirin Arshad, Fase
Presiden dan Ketua Pegawai
Eksekutif Kumpulan
SIRIM Berhad

Objektif Malaysia Steel Institute (MSI) adalah untuk mempromosi dan mengembang daya saing serta kelestarian industri besi dan keluli negara melalui khidmat nasihat serta pelaksanaan kajian aspek saintifik, teknologi dan ekonomi industri besi dan keluli Malaysia. MSI turut berperanan mempromosi standardisasi dan penggunaan produk besi dan keluli di Malaysia bagi mencapai visi untuk membentuk semula dan memfasilitasi persekitaran yang diperlukan untuk mencapai tahap industri besi dan keluli yang lestari.

SIRIM Berhad ditubuhkan dengan misi untuk memberi inovasi berkualiti dan mampan kepada industri, pihak Kerajaan dan masyarakat sejajar dengan visi untuk menjadi rakan terbaik inovasi yang memberi nilai tambah dalam kehidupan. Antara peranan utama SIRIM adalah melaksanakan penyelidikan industri melalui Pusat Penyelidikan Perindustrian SIRIM selain membantu pembangunan teknologi baharu dan meningkatkan sektor perkilangan dan perkhidmatan melalui penilaian pematuhan.



En. Hairol Ariffein Sahari
Ketua Pegawai Eksekutif
Halal Development Corporation

Halal Development Corporation (HDC) berperanan sebagai penyelaras utama bagi peneraju industri untuk menerokai ekonomi halal sekaligus meningkatkan eksport halal dan pelaburan langsung ke dalam industri halal. Misi HDC adalah untuk menyediakan solusi untuk kecemerlangan perniagaan dalam ruang pasaran halal bagi mencapai visi untuk menjadikan halal sebagai pilihan pertama dalam meneroka perniagaan.



En. Arshad Mohamed Ismail
Ketua Pegawai Eksekutif
Export-Import Bank of Malaysia

Export-Import Bank of Malaysia (EXIM Bank) menyediakan kemudahan kredit untuk membiayai eksport dan import barang, perkhidmatan dan projek luar negeri dengan penekanan terhadap pasaran bukan tradisional. Selain itu, EXIM Bank turut menyediakan perkhidmatan insurans kredit eksport, insurans pembiayaan eksport, insurans pelaburan luar negeri dan fasiliti jaminan. Ini selaras dengan visi EXIM Bank untuk menjadi institusi kewangan terkemuka dalam usaha Malaysia merentasi sempadan pasaran antarabangsa.



En. Shaharul Sadri Alwi
Ketua Pengarah
Jabatan Standard Malaysia

Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia), sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan, bertanggungjawab membangunkan dan menggalakkan penggunaan Malaysia Standards (MS); serta menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada makmal, badan pensijilan dan badan pemeriksaan. Ini seterusnya akan membangunkan industri tempatan, memudahkan perdagangan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara.



En. Muhammad Azmi Zulkifli
Ketua Pegawai Eksekutif
InvestKL

Visi InvestKL adalah untuk menjadikan GreaterKL sebagai destinasi pelaburan dinamik terkemuka di dunia dengan menarik syarikat berfokus pada peringkat serantau dan global selain mewujudkan perniagaan bertaraf dunia dan peluang pekerjaan bernilai tambah. Antara peranan InvestKL adalah membantu syarikat multinasional global menujuhkan pusat perniagaan, inovasi dan bakat serantau di GreaterKL, seterusnya berkembang secara strategik di rantau Asia Pasifik.



En. Husaini Ismail
Pengarah
Majlis Rekabentuk Malaysia

Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) ditubuhkan dengan visi untuk menghasilkan produk reka bentuk buatan Malaysia yang inovatif dan berdaya saing pada peringkat global. Berlandaskan misi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kreatif dan inovatif antarabangsa, MRM berperanan mendidik industri mengenai kepentingan reka bentuk yang berkualiti, berkesan dan berdaya saing agar kemampuan reka bentuk tempatan dapat ditingkatkan dan dipromosikan pada peringkat antarabangsa.



Dr. Osman Zakaria
Ketua Metrologi
Majlis Pengukuran Kebangsaan

Majlis Pengukuran Kebangsaan (MPK) bertanggungjawab menasihati semua perkara berkaitan objektif dasar negara untuk kegiatan sistem pengukuran seperti termaktub dalam Bahagian IV, Akta Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007 (Akta 675). Selain itu, MPK turut berperanan dalam meningkatkan keyakinan antarabangsa terhadap aktiviti pengukuran di Malaysia dengan mengutamakan kepentingan umum terhadap perdagangan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.



Kosong
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia

Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii) ialah sebuah agensi yang memacu perkembangan sistem pintar strategik beroperasi melalui pemanusiaan dan penggunaan platform pintar, aplikasi dan teknologi digital seperti *Big Data Analytics* dan *Artificial Intelligence*. Fokus juga diberikan kepada peningkatan teknologi, modal insan, rantaian bekalan, jangkauan pasaran dan kemampuan selepas jualan dalam industri automotif dan ekosistem mobiliti terhubung.



Landskap Semasa

Pemegang Taruh



- YAB Perdana Menteri
- Jemaah Menteri
- Menteri MITI
- Ketua Setiausaha Negara



- Kementerian/Jabatan/Agenzi Kerajaan Persekutuan
- Kerajaan Negeri
- Sektor Awam
- Sektor Swasta
- Pejabat Berkuasa Tempatan (PBT)
- Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)
- Pejabat Kedutaan/Pesuruhjaya Tinggi
- Agenzi/Badan Antarabangsa
- Badan Kawal Selia (*Regulators*)
- Dewan/Majlis Perdagangan/Perniagaan
- Media
- Pertubuhan/Organisasi Bukan Kerajaan (NGO)
- Institusi Pendidikan Tinggi (IPTA/IPTS)
- Institusi Penyelidikan
- Masyarakat Sivil



- Negara Dagang
- Pihak Industri
- Pelabur
- Pihak Luar/Asing
- Rakyat

Analisis Persekutaran dan Cabaran Semasa

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah sebuah kementerian yang dipertanggungjawabkan dalam merancang, melaksana serta memantau program bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang dan kekal kompetitif di peringkat serantau dan global. Selaras dengan usaha kerajaan ke arah merealisasikan Rancangan Malaysia Kedua Belas, terdapat beberapa isu dan cabaran penting yang perlu ditangani. Berikut adalah analisis yang dilaksanakan mengikut kerangka kerja PESTEL yang terdiri daripada komponen Politik, Ekonomi, Sosial, Teknologi, Alam Sekitar (*Environment*) dan Perundangan (*Legal*). Secara ringkasnya, isu dan cabaran yang dihadapi oleh MITI adalah seperti berikut:

P	Persaingan pesat daripada negara lain atau ekonomi baru muncul (<i>emerging economies</i>)	Kebergantungan kepada pekerja berkemahiran rendah	Ketidakstabilan geopolitik yang mengganggu rantaian bekalan	Campur tangan kuasa asing
E	Penularan pandemik COVID-19	Kekurangan bekalan bahan mentah	Kelembapan ekonomi dunia	Kadar inflasi
S	Kualiti kehidupan yang terjejas	Pengambilan pekerja asing yang tinggi	Peluang pekerjaan yang terhad	Peningkatan penyakit tidak berjangkit (<i>Noncommunicable disease</i>)
T	Ketinggalan dalam perkembangan teknologi terkini	Kurang kefahaman dan kesedaran dalam Revolusi Perindustrian 4.0	Risiko ancaman siber	Ketiadaan pangkalan data yang berpusat
E	Perubahan iklim	Pemusnahan dan pencemaran alam sekitar	Cabarannya dalam memacu ekonomi hijau dan ekonomi biru	Kekurangan bekalan makanan
L	Pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan kerangka Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)	Peraturan/perundangan berkaitan penyelepasan penularan wabak COVID-19	Sekatan antarabangsa	Halangan bukan tarif

Berikut adalah analisis SWOT untuk mengkaji kekuatan (*strength*), kelemahan (*weaknesses*), peluang (*opportunities*) dan ancaman (*threats*) seperti berikut:



KEKUATAN

Strength

1. Kolaborasi kukuh dengan pemain industri dalam dan luar negara
2. Dasar-dasar kerajaan yang terancang
3. Keprihatinan kerajaan terhadap industri
4. Kerjasama padu agensi awam dan swasta
5. MITI sebagai barisan hadapan ekonomi
6. R&D yang berterusan
7. Pembangunan modal insan



KELEMAHAN

Weaknesses

1. Kadar pusing ganti pekerja yang tinggi
2. Modal tinggi untuk automasi dan pendigitalan
3. Dana yang terhad untuk R&D
4. Tiada pangkalan data berpusat
5. Kerenah birokrasi yang menghalang kecekapan ekosistem eksport



PELUANG

Opportunities

1. Aspirasi kerajaan yang sentiasa mendukung pembangunan ekonomi dan industri
2. Penerapan elemen ESG
3. Kemudahan dana dan latihan
4. E-dagang
5. Bekerja dari rumah
6. Pembangunan industri baharu muncul yang berteknologi tinggi dan bernilai tambah tinggi
7. Fasiliti dan insentif
8. Ekonomi hijau dan biru
9. R&D inovasi dan perkongsian kepakaran
10. Pemantapan ekosistem perniagaan agar lebih kondusif



ANCAMAN

Threats

1. Ancaman geopolitik, peperangan dan wabak penyakit
2. Situasi ekonomi tidak stabil
3. Sekatan/Peraturan antarabangsa
4. Ancaman siber
5. Persaingan daripada negara/ekonomi baharu dan sedang pesat membangun (*new and emerging economies*)
6. Pewujudan peraturan baharu oleh negara asing yang menjelaskan
7. Gangguan rantai bekalan dunia dan kenaikan harga barang mentah
8. Kebergantungan kepada tenaga kerja asing

Teras Strategik dan Pelan Tindakan



TERAS STRATEGIK I
PERDAGANGAN GLOBAL YANG
INKLUSIF DAN MAMPAH



TERAS STRATEGIK II
MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI
PELABURAN TERPILIH



TERAS STRATEGIK III
EKOSISTEM PERINDUSTRIAN DAN
PERKHIDMATAN YANG BERDAYA SAING



TERAS STRATEGIK IV
TADBIR URUS STRATEGIK DAN
PEMBANGUNAN KAPASITI





TERAS STRATEGIK I

PERDAGANGAN GLOBAL YANG INKLUSIF DAN MAMPAN

Strategi 1

Memperkuat hubungan perdagangan dan hubung kait ekonomi dengan rakan-rakan dagang sedia ada dan baharu

Strategi 2

Mempertahankan kepentingan industri domestik Malaysia dalam rundingan pelbagai hala di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia

Strategi 3

Meningkatkan akses pasaran melalui Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement - FTA*) dan Perjanjian Perdagangan Berkeutamaan

Strategi 4

Memperkuat ekosistem eksport dalam persekitaran perdagangan yang selamat melalui pengurusan perdagangan strategik dengan fasilitasi perdagangan yang berkesan dan mampan

TERAS STRATEGIK 1: PERDAGANGAN GLOBAL YANG INKLUSIF DAN MAMPAH

STRATEGI 1

Memperkuuh hubungan perdagangan dan hubung kait ekonomi dengan rakan-rakan dagang sedia ada dan baharu

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
1. Misi Galakan Perdagangan, Pelaburan dan Lawatan Kerja	Bilangan misi	16 misi	2022: 4 kali 2023: 4 kali 2024: 4 kali 2025: 4 kali	BETR
2. Jawatankuasa Bersama Ekonomi Perdagangan Dua Hala bersama rakan dagang tradisi	Bilangan mesyuarat	16 kali	2022: 4 kali 2023: 4 kali 2024: 4 kali 2025: 4 kali	BETR
3. Penubuhan Jawatankuasa Bersama Perdagangan dengan negara-negara yang berpotensi	Bilangan jawatankuasa	4	2022 – 2025	BETR
4. Kajian rasional penubuhan pejabat baharu MITI di negara rakan dagang strategik	Bilangan kajian	1	2022 – 2025	BETR
5. Penglibatan dalam mesyuarat-mesyuarat ekonomi ASEAN bagi memelihara kepentingan negara selaras dengan Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community - AEC) 2025	Bilangan mesyuarat	148	2022: 37 2023: 37 2024: 37 2025: 37	BIEA
6. Mesyuarat koordinasi dengan Agensi dan Kementerian berhubung komitmen Malaysia dalam AEC 2025 dan ASEAN FTA	Bilangan mesyuarat	200	2022: 50 2023: 50 2024: 50 2025: 50	BIEA
7. Kerjasama inisiatif bina upaya antara ahli ekonomi APEC	Bilangan projek bina upaya oleh Malaysia	20	2022: 5 2023: 5 2024: 5 2025: 5	RRID

TERAS STRATEGIK 1: PERDAGANGAN GLOBAL YANG INKLUSIF DAN MAMPAH

STRATEGI 1

Memperkuat hubungan perdagangan dan hubung kait ekonomi dengan rakan-rakan dagang sedia ada dan baharu

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
8. Penglibatan Malaysia melalui <i>APEC Outreach Programme</i>	Bilangan program <i>outreach</i>	16	2022: 4 2023: 4 2024: 4 2025: 4	RRID
i. Agensi awam ii. Swasta iii. Komuniti perniagaan				
9. Memudahcara keperluan perjalanan komuniti perniagaan ahli ekonomi APEC melalui <i>APEC Business Travel Card</i> (ABTC)	Bilangan kelulusan surat sokongan ABTC	4,000	2022: 1,000 2023: 1,000 2024: 1,000 2025: 1,000	RRID

TERAS STRATEGIK 1: PERDAGANGAN GLOBAL YANG INKLUSIF DAN MAMPAH

STRATEGI 2

Mempertahankan kepentingan industri domestik Malaysia dalam rundingan pelbagai hala di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
1. Penglibatan dalam semua rundingan dan program kerja WTO.	Peratus penyertaan dalam rundingan	100%	2022 – 2025	
	Bilangan penyertaan (Peringkat Menteri)	1	2022: 1 2023: 1	MTPN
2. Kajian dasar perdagangan (<i>Trade Policy Review - TPR</i>) negara-negara anggota WTO.	Bilangan Laporan (Peringkat sekretariat & kerajaan)	2	2022	MTPN
	Bilangan sesi	1	2023	
3. Penyediaan notifikasi langkah-langkah perdagangan Malaysia ke WTO				
i. Khidmat nasihat teknikal, kualiti, WTO/TBT dan harta intelek kepada industri dalam dan luar negara	Bilangan syarikat	75/tahun	2022 – 2025	SIRIM MTPN
ii. Penghantaran notifikasi Malaysia ke WTO	Bilangan notifikasi	3/tahun		
4. Remedi perdagangan				
i. Anti-lambakan				
ii. Timbal balas				
iii. Pelindung				
iv. Anti pemintasan				
	Bilangan siasatan	12 siasatan	2022: 3 siasatan 2023: 3 siasatan 2024: 3 siasatan 2025: 3 siasatan	TPS PUU
5. Mempertahankan dan memelihara kepentingan pengeksport/pengeluar Malaysia	Bilangan notis siasatan	60 siasatan	2022: 15 siasatan 2023: 15 siasatan 2024: 15 siasatan 2025: 15 siasatan	Seksyen Amalan Perdagangan PUU

TERAS STRATEGIK 1: PERDAGANGAN GLOBAL YANG INKLUSIF DAN MAMPAH

STRATEGI 2

Mempertahankan kepentingan industri domestik Malaysia dalam rundingan pelbagai hala di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
6. Kajian Semula Akta dan Peraturan: <ul style="list-style-type: none"> i. Akta Duti Timbal Balas ii. Anti-lambakan 1993 iii. Peraturan Duti Timbal Balas iv. Peraturan Anti-lambakan 1994 	Bilangan	4	2022 – 2025	TPS PUU
7. Pembangunan Sistem Pengurusan Remedii Perdagangan di bawah Pelan Strategik Pendigitalan MITI 2021 - 2025	Bilangan sistem	1	2024	TPS BPM
8. Pembangunan standard pengukuran kebangsaan melalui kerjasama teknikal antarabangsa	Bilangan kerjasama untuk menghapuskan Halangan Teknikal Terhadap Perdagangan (TBT)	8	2022: 2 2023: 2 2024: 2 2025: 2	MTPN MPK

TERAS STRATEGIK 1: PERDAGANGAN GLOBAL YANG INKLUSIF DAN MAMPAK

STRATEGI 3

Meningkatkan akses pasaran melalui Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan Perjanjian Perdagangan Berkeutamaan (PTA)

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
1. FTA/PTA				
i. Kajian <i>Feasibility</i>	Bilangan kajian	4		
ii. Sesi Libat Urus	Bilangan sesi	20 sesi setahun	2022 – 2025	BRS
iii. Ratifikasi	Bilangan FTA/PTA yang diratifikasi	3		MATRADE
iv. Mesyuarat Jawatankuasa Bersama/Kajian Semula	Bilangan mesyuarat	10 setahun		

TERAS STRATEGIK 1: PERDAGANGAN GLOBAL YANG INKLUSIF DAN MAMPAH

STRATEGI 4

Memperkuat ekosistem eksport dalam persekitaran perdagangan yang selamat melalui pengurusan perdagangan strategik dengan fasilitasi perdagangan yang berkesan dan mampan

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
1. Semakan Akta Perdagangan Strategik 2010 dan tiga (3) Undang-undang Subsidiari	Bilangan semakan Akta dan Peraturan	5	2022: 1 2023: 2 2024: 2	STS
2. Penganjuran <i>Asian Regional Forum on Strategic Trade</i>	Bilangan forum	1	2023	STS
	Bilangan negara peserta	8	2023	BETR
3. <i>Strategic Goods Identification Training (SGIT)</i>	Jumlah latihan	3	2023 – 2025	
	Bilangan peserta	100	2023: 30 2024: 35 2025: 35	STS
4. Pemantauan dan Pelaksanaan NTBP	Peratusan peningkatan kefahaman pihak berkuasa	100%	2023 – 2025	
	Bilangan laporan kemajuan	12	2022 – 2025	BETR MATRADE EXIM





TERAS STRATEGIK 2

MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PELABURAN TERPILIH

Strategi 1

Menyepadukan strategi pelaburan untuk memacu penyampaian perkhidmatan pelaburan berkesan

Strategi 2

Mewujudkan pakej insentif yang tangkas dan berpandangan jauh bagi memenuhi keperluan pelabur

Strategi 3

Menggariskan dengan jelas peranan dan tanggungjawab IPA bagi memudahkan urusan pelabur

Strategi 4

Memperkemas persekitaran perniagaan bagi menambahbaik *ease of doing business*

Strategi 5

Menarik pelaburan berteknologi, bernilai dan berimpak tinggi untuk mencipta peluang pekerjaan berpendapatan tinggi

TERAS STRATEGIK 2: MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PELABURAN TERPILIH

STRATEGI 1

Menyepadukan strategi pelaburan untuk memacu penyampaian perkhidmatan pelaburan berkesan

PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
1. Penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Strategi dan Dasar Pelaburan	Bilangan jawatankuasa	1	2022	BDPFP MIDA
2. Kajian semula pengharmonian strategi dan dasar pelaburan sedia ada	Bilangan kajian	1	2024	BDPFP MIDA

TERAS STRATEGIK 2: MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PELABURAN TERPILIH

STRATEGI 2

